

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENUTUP FIESTA MAKANAN DAN BUAH-BUAHAN 2001
DI PERSIARAN GURNEY, PULAU PINANG
28 JULAI 2001

Syukur Alhamdulillah, kita sama-sama dapat berkumpul di Persiaran Gurney, Pulau Pinang untuk meraikan Majlis penutup Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001. Saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Abdul Kadir b. Hj. Sheikh Fadzir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia serta YAB. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana telah sudi menjemput saya merasmikan majlis yang gilang-gemilang ini.

Saya sukacita melihat kesungguhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersama-sama kerajaan negeri di dalam memajukan industri pelancongan. Pelbagai langkah dan tindakan diambil ke arah meningkatkan kedatangan pelancong ke negara ini, sama ada melalui pelancongan sukan, pelancongan pelajar, pelancongan eko dan agro dan kini pula pelancongan makanan. Saya yakin usaha-usaha ini akan membuahkan hasil yang baik.

Dalam pada itu, Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 ini juga bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memajukan industri makanan dan pertanian seiring dengan perkembangan pesat industri-industri lain negara. Kita perlu merebut peluang yang terbuka luas sekarang ini untuk bersaing dengan negara-negara lain di dunia agar industri makanan negara bertambah mantap dan kukuh. Saya yakin produk makanan tempatan boleh menembusi pasaran antarabangsa, khususnya pasaran makanan halal dunia. Justeru itu, strategi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara Timur Tengah amat bertetapan melalui promosi makanan halal, memandangkan pelancong negara Timur Tengah mengambil berat tentang makanan mereka.

Saya juga tertarik dengan satu lagi aspek Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 ini, iaitu persamaan di kalangan rakyat Malaysia mengenai makanan dan minuman yang dinikmati bersama. Sesungguhnya, persamaan ini banyak menyumbang kepada hubungan persahabatan dan persaudaraan, seterusnya kepada keharmonian antara kaum di negara kita. Kalau dahulu aspek makanan di dalam satu-satu budaya tidak dikongsi bersama, sekarang kita semakin rapat dalam hubungan kita melalui pemakanan kita. Kalau dahulu ulam, kari, dim sum atau sesetengah buah-buahan menjadi makanan kumpulan masing-masing, kini semuanya dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Kita pasti telah mendengar tentang sesetengah orang yang sanggup berjalan jauh semata-mata untuk makanan yang sedap. Inilah keunikan kita, inilah sebahagian daripada budaya kita. Maka nikmatilah makanan dan minuman yang dikurniakan Tuhan dengan sahabat handai dan saudara-mara, insya-Allah hubungan sesama kita semakin rapat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya gembira penganjuran Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak swasta dan NGO, seperti Penevents Sdn. Bhd., Persatuan Hotel Antarabangsa Pulau Pinang (PIHA), dan Persatuan Jurumasak Malaysia, cawangan Pulau Pinang. Sesungguhnya, semua pihak perlu

memainkan peranan bagi memastikan industri pelancongan menjadi antara penjana utama ekonomi negara. Untuk tujuan tersebut, pihak swasta dan NGO selain dari bekerjasama, perlu juga mengeluarkan perbelanjaan sebagai satu pelaburan yang bakal mendapat pulangnya, bagi memastikan program penggalakan pelancongan yang dirancang kerajaan berjaya.

Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 ini juga jelas menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pelbagai jenis makanan serta buah-buahan eksotik yang beraneka. melalui Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001, saya berharap supaya lebih ramai usahawan perniagaan makanan yang bertaraf antarabangsa akan muncul. Saya percaya kita mampu memikat penduduk dunia dengan kelazatan makanan Malaysia yang "hot and spicy" seperti sate, nasi lemak, ayam golek dan lain-lainnya. Umpamanya, sate berpotensi difrancais ke seluruh dunia. Oleh itu, salah satu daripada promosi memperkenalkan Malaysia boleh diadakan melalui kedai-kedai francais makanan dan minuman, termasuk jus buah-buahan dan teh tarik kita.

Untuk berjaya dalam bidang perusahaan makanan, adalah perlu diperkemas strategi pembekalan dan pemasaran produk makanan tempatan, termasuk dari segi kualiti dan keselamatan produk tersebut. Perusahaan makanan peringkat antarabangsa pastinya akan membawa kesan yang positif kepada pelbagai pihak. Umpamanya, penduduk desa akan mendapat limpahan kesan dengan menjadi pembekal bahan mentah seperti pisang, ubi, keladi dan buah-buahan. Manakala ramai lagi akan menikmati faedah melalui peluang pekerjaan yang diwujudkan. Justeru itu, jelaslah Fiesta Makanan dan Buah-buahan akan turut memainkan peranan dalam merangsang industri makanan dan pertanian negara, selain menggalakkan industri pelancongan negara dan hubungan baik sesama kita.

Dengan kejayaan itu, maka saya mengucapkan tahniah kepada penganjur majlis pada malam ini, iaitu kerajaan negeri Pulau Pinang bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah berjaya menganjurkan majlis penutup Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 di Persiaran Gurney, Pulau Pinang. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis penutup Fiesta Makanan dan Buah-buahan 2001 di Pulau Pinang.

Terima kasih.